

Parah dibelasah 5 senior

BH
M/S 29
21/11/2015

» *Dituduh curi telefon bimbit, Irfan kena pukul lebih 10 minit*

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Alor Setar

Seorang pelajar Tingkatan Satu sebuah sekolah menengah agama swasta di Pokok Sena, dekat sini, cedera termasuk mengalami pendarahan serius dipercayai kerana dibelasah lima senior di asrama sekolah itu, awal pagi semalam.

Difahamkan kejadian pada jam 3 pagi apabila Mohd Irfan Azizan, 13, ditendang dan ditumbuk lima pelajar senior berusia 14 hingga 17 tahun di luar bilik asrama selama lebih 10 minit, selepas dituduh mencuri telefon bimbit.

Cedera bahagian usus

Berikutan itu, dia cedera serius di bahagian usus, buah pinggang, pundi kencing selain lebam pada dada, muka dan belakang badan. Mangsa kemudian dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), di sini untuk rawatan selepas muntah dan pening, selain tidak boleh bangun.

Bapanya, Azizan A Aziz, 40,



Mohd Irfan masih dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah, di Alor Setar, semalam.


berkata dia menerima maklumat berhubung kejadian itu jam 6 pagi semalam, apabila seorang daripada pelajar, dipercayai suspek menghubunginya dan meminta ganti rugi RM400 untuk telefon bimbit yang kononnya dicuri mangsa.

Azizan yang ketika itu berada di rumahnya di Kampung Pematang Kaka, Megat Dewa, dekat sini, berkata dia kemudian menghubungi semula pihak sekolah untuk mengetahui keadaan anaknya.

“Pihak sekolah terus memeriksa anak saya di asrama dan saya sendiri turut ke sekolah untuk membawa Irfan ke hospital. Anak saya memberitahu beberapa pelajar lain hanya melihat dia dipukul pelajar senior kerana tidak berani membantu,” katanya ketika ditemui di HSB, semalam.

Jalani pembedahan

Akibat kecederaan berkenaan, katanya, anak kedua daripada lima beradik itu terpaksa menjalani pembedahan di HSB,



“Seorang daripada pelajar, dipercayai suspek menghubungi dan meminta ganti rugi RM400 untuk telefon bimbit yang kononnya dicuri mangsa”

Azizan A Aziz,
Bapa mangsa

manakala laporan mengenai kejadian terbabit dibuat di Balai Polis Pokok Sena.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Adzaman Mohd Jan, berkata polis sudah mengenal pasti kelima-lima suspek dan siasatan awal mendapati kejadian itu teretus apabila mangsa dituduh mencuri telefon bimbit milik seorang pelajar senior kerana dia antara pelajar paling awal masuk ke bilik asrama.